

198

**SOALAN NO. : 173**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR]**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat Bin Idris [ Sepanggar ]** minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memulihara dan menyelenggarakan sungai-sungai khususnya di dalam kawasan Parlimen Sepanggar agar bertambah baik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja penyelenggaraan sungai adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan mengikut keutamaan dan kawasan-kawasan yang kritikal berdasarkan permohonan daripada Negeri bagi penyelenggaraan sungai-sungai yang berisiko banjir.

Selain itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) sedang giat menjalankan pelbagai kajian penyelidikan, pembangunan dan pengkormersialan (*Research, Development and Commercialization, R & D and C*) dalam bidang pemuliharaan dan pengurusan sumber air dan sekitarannya ini bagi memastikan sumber air terutamanya sungai dan ekosistem persekitarannya terpelihara.

Pemuliharaan sungai merupakan salah satu skop kajian dalam Program Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestariannya dibawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) yang dijalankan oleh NAHRIM. Program penyelidikan ini akan menghasilkan 13 Pelan Pengurusan Lembangan Sungai bagi 13 lembangan sungai utama. Di antaranya adalah lembangan Sungai Santubong di Sarawak, Sungai Muar di Johor, dan Sungai Juru, Sungai Junjung, dan Sungai Batu Feringgi di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sungai-sungai di kawasan parlimen Sepanggar tidak termasuk dalam senarai 13 lembangan sungai yang akan dihasilkan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai dalam RMKe-11 dan pihak Kementerian akan mengambil

208

maklum akan keperluan memulihara sungai-sungai yang terlibat dalam kawasan Parlimen Sepanggar.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 174 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :**

**YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan berapakah bilangan baru telaga minyak di  
Sabah 'Offshore dan Onshore' dan syarikat manakah yang diberikan  
tanggungjawab untuk melaksanakan galian.**

203

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa memacu usaha secara berterusan untuk membangunkan lapangan minyak dan gas di Sabah yang memenuhi kriteria teknikal dan komersial. Pada masa ini, bilangan lapangan minyak dan gas di luar persisir pantai Sabah atau ‘Offshore’ yang beroperasi adalah 17 minyak dan 4 gas. Sehingga Mac 2018, terdapat lebih dari 17 syarikat tempatan dan antarabangsa yang terlibat dalam pembangunan lapangan-lapangan minyak dan gas di Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini tiada lapangan minyak dan gas ditemui di daratan atau ‘Onshore’ di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018

2034  
**SOALAN ( 175 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**SOALAN :-**

**YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bentuk kerjasama yang boleh dijalankan bersama pihak berkuasa dalam memantau kawasan perumahan PPR yang terletak di lokasi-lokasi panas kes jenayah dan vandalisma.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat komited dalam menangani isu perbuatan jenayah dan juga aktiviti vandalisme yang berlaku di kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR).Usaha penguatkuasaan oleh KPKTtelah lama dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi lain dengan matlamat untuk membentuk kesejahteraan komuniti di semua PPR yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, usaha penguatkuasaan ini akan diteruskan bersama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). KPKTakan melaksanakan kerjasama penguatkuasaan bagi memantau lokasi-lokasi panas dengan kes jenayah serta aktiviti vandalisme di PPR yang diuruskan oleh Kementerian.

28

Pemasangan CCTV di lif-lif bangunan PPR juga turut dibuat bagi memantau aktiviti negatif daripada terus berleluasa dan seterusnya dapat memastikan keharmonian komuniti di PPR dikekalkan di samping menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk. Kerjasama penguatkuasaan yang berterusan ini boleh membantu dalam menangani isu-isu perumahan rakyat secara amnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar  
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018